# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 48 | RABU 26HB NOBEMBER, 1980. | رابو 18 محرم 1401 | PERCHUMA

## GUNAKAN KEMUDAHAN2 DENGAN SEBAIK2-NYA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna mengingatkan penuntut2 perempuan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan bahawa kemudahan2 yang di-sediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan ada-lah sa-mata2 dengan tujuan untok memajukan pelajaran bagi menolong penuntut2 pada menunaikan kewajipan mereka sa-bagai orang yang di-berikan amanah untok memimpin anak2 bangsa dalam pelajaran ugama, khas-nya dalam membentok budi pekerti dan akal fikiran yang sempurna.

Yang Teramat Mulia itu juga berharap supaya kemudahan2 itu akan dapat di-pergunakan dengan sa-baik2-nya demi untok menghasilkan kejayaan2 yang di-hajati.

Oleh : AISHAH PIEE

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna bersabda demikian di-Majlis Pembukaan Rasmi Bangunan Tambahan Asrama Perempuan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan yang berlangsong pada petang Sabtu lepas, 22hb Nobember, 1980 bertempat di-Surau Asrama Perempuan maktab tersebut.

Ustazah Hajjah Maznah bte Haji Mohamed, selaku wakil Y.B. Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama juga telah beruchap di-majlis tersebut. Dalam uchapan-nya beliau menekankan bahawa penuntut2 yang berkenaan perlu-lah menjadi perintis kerana dalam diri mereka-lah telah sedia tertanam asas2 yang kuat dan persediaan yang banyak untok melayakkan diri mereka menjadi ibu yang sejati dan sekolah kapada anak2 bangsa-nya.

Dalam sa-buah shaer, jelas beliau, ibu itu ada-lah sekolah. Apabila engkau lengkapkan ia dengan kelengkapan yang baik dan sempurna, sudah tentu-lah ia melahirkan jenerasi atau umat yang baik dan sempurna pula.

"Perempuan itu tiang negara. Apabila ia baik maka baik-lah negara. Tetapi apabila ia rosak maka rosak-lah negara," tambah-nya lagi.

Oleh yang demikian, jelas Ustazah Hjh Maznah, bakal2 guru yang akan menjadi pendidek dan ibu kapada bangsa-nya ada-lah perlu di-berikan kemudahan2 yang sa-wajar-nya di-dalam masa mereka menjalani latehan2, ia-itu satu dari-nya ia-lah kemudahan penempatan yang selesa, harmoni dan bersuasana penoh keimanan.

Menurut-nya lagi, suasana yang sa-umpama itu tidak shak lagi akan turut membantu melahirkan ketenteraman serta keriangan di-kalangan penuntut2 ketika menghadapi pelajaran masing2.

Menyentoh mengenai pembenaan bangunan tambahan asrama perempuan Maktab tersebut, Ustazah Hjh Maznah menegaskan bahawa asrama dalam ertikata sa-benar-nya ia-lah sa-buah tempat kebajikan yang tegak dan akan terus di-tegakkan dengan asas2 disiplin dan peratoran2 yang baik.

Lihat muka 18



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna ketika melafadzkan sabda sa-jurus sa-belum merasmikan bangunan asrama tambahan MPUSB.

### Manis-nya Iman

"SIAPA menyeru kapada amalan yang betul maka dia ada-lah memperoleh ganjaran pahala saperti ganjaran pahala yang di-peroleh orang2 yang mengikut-nya, dan pahala-nya itu sedikit pun tidak mengurangkan ganjaran pahala orang yang mengikut-nya itu.

SIAPA menyeru kapada amalan sesat maka dia ada-lah memperoleh dosa saperti juga dosa orang2 yang mengikut-nya, dan dosa-nya itu sedikit pun tidak mengurangkan dosa orang yang mengikut-nya." — HADITH Nabi riwayat Muslim dari Abu Hurairah.

## *Didek diri sendiri dengan budi pekerti yg sempurna*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bakal2 Guru Ugama di-ingatkan supaya mendidek diri sendiri dengan budi pekerti yang sempurna dan bisai di-pandang dan di-dengar.

Guru2 yang perangainya kurang baik akan mewariskan kelakuan-nya itu kapada anak murid-nya dan anak murid-nya pula sudah tentu tidak akan menghormati-nya.

Bagaimana pun baik dan sempurna-nya pengajaran itu tidak akan berkesan dan mendatangkan faedah jika guru2 yang mengajar itu tidak menyertai-nya dengan chontoh dan budi pekerti yang baik.

Demikian sabda Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz sa-belum merasmikan bangunan tambahan asrama penuntut lelaki Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada petang Sabtu, 22hb Nobember lalu.

Yang Amat Mulia mensifatkan pelajaran ugama sa-bagai yang mustahak kapada kita, kerana itu guru2 ugama ada-lah mempunyai peranan dan tanggong-jawab yang berat yang sepatut-nya di-pikul bersama oleh orang2 Islam di-negeri ini.

Menjelaskan pembenaan bangunan tambahan itu, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah bersabda, ia-nya bertujuan memberi keselesaan penuntut2 menghadapi pelajaran mereka lebeh maju dan bersunggoh2 yang juga di-harapkan akan sentiasa mempertahankan kebaikan maktab tersebut.

Kerana itu, sabda Yang Amat Mulia, ada-lah kurang munasabah jika niat baik dari ranchangan itu akan bertukar chorak sa-hingga menjadikan penuntut-penuntut mundor dan salah-gunakan kemudahan2 yang di-sediakan sa-hingga menjejaskan nama baik maktab.

"Oleh itu saya sangat2-lah berharap, sa-bagaimana juga orang lain di-negeri ini terutama ibu-bapa, mengharapkan supaya kemudahan2 yang di-sediakan ini akan menjadi asas bagi kemajuan yang sangat2 di-harapkan oleh negara kita sa-masa negara kita sedang meranchangkan berbagai-bagai perkara untok kemakmoran dan kesejahteraan raayat bukan sahaja di-waktu ini bahkan juga di-masa hadapan," sabda Yang Amat Mulia itu menaroh harapan.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin dalam uchapan alu2an-nya telah mengingatkan guru2 ugama supaya menasehati murid2 mereka pada menjauhkan diri daripada ajaran2 sesat yang di-sebarkan sa-chara bersembunyi2 di-Brunei ini.

Katanya ajaran2 sesat itu pada lazim-nya di-sebarkan sa-chara bersembunyi dan rahsia yang mana sa-olah2 guru2 yang menyebarkan ajaran2 itu saja yang di-redhai oleh

Lihat muka 18



YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz ketika merasmikan bangunan asrama tambahan bagi penuntut lelaki MPUSB.

### Pegawai2 kanan AMDB ka-K.L.

BANDAR SERI BEGAWAN. —Tiga orang pegawai kanan Askar Melayu Diraja Brunei telah bertolak ka-Kuala Lumpur pada pagi semalam untok mengadakan lawatan sa-lama lima hari ka-Yunit2 Angkatan Tentera Diraja Malaysia.

Pegawai2 itu ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Lt. Col. Pg Haji Ibnu bin Pg Datu Penghulu Pg Haji Apong, Y.B. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt Col. Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud dan YDM Pehin Datu Indera Setia Lt Col Dato Paduka Sulaiman bin Awang Damit.

Lawatan tersebut ada-lah julong2 kali di-lakukan oleh pegawai2 AMDB dan ada-lah di-buat atas jemputan khas daripada Perdana Menteri Malaysia, Dato Hussein Onn yang juga selaku Menteri Pertahanan yang di-sampaikan melalui Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei.

Di-antara Yunit2 yang akan di-lawat oleh pegawai2 tersebut ia-lah Maktab Tentera Diraja Malaysia di-mana mereka telah mendapat latehan asas tentera kira2 20 tahun yang lalu. Mereka juga akan berpeluang untok menyaksikan latehan2 GONZALES LIMA yang sedang di-jalankan oleh yunit2 angkatan tentera Malaysia sekarang ini.

### Hadhiri sidang ARTDO di-N.Z.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Pengarah Perjawatan, Awang Haji Jaya bin Abd Latif dan Ketua Yunit Latehan, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong kini berada di-New Zealand menghadhiri persidangan Pertubohan Latehan dan Perkembangan Rantau Asia — ARTDO.

Pemergian mereka itu ada-lah bagi mewakili Yunit Latehan, Jabatan Perjawatan yang telah di-terima sa-bagai ahli pertubohan tersebut sejak awal tahun ini.

ARTDO ia-lah sa-buah pertubohan yang berpusat di-Manila dan mempunyai tujuan khusus untok mempesatkan peri mustahak-nya latehan2 di-dalam masa perkhidmatan baik dalam perkhidmatan Kerajaan mahu pun swasta, di-perantauan Asia ini.

**Pelita Brunei**
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

26HB NOBEMBER, 1980

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## *PERCHERAIAN:*

## SA-BELUM SAMPAI KA-TAHAP YANG MEMBIMBANGKAN

DEWASA ini kita maseh dapat berbangga akan situasi cherai-berai antara suami isteri yang bilangan-nya tetap berada dalam grap yang maseh jauh rendah jika di-bandingkan dengan negara2 Melayu yang lain walau pun jika di-kira dari peratus pendudok Islam-nya. Kandatipun demikian, situasi yang membanggakan itu tidak-lah bererti yang kita Umat Islam memandang-nya sa-bagai tidak perlu pada melaksanakan usaha untok menghadapi kemungkinan2 bertambah-nya bilangan itu. Sebab, perkara yang saumpama ini ada-lah perkara hidup yang serba boleh mengalami perubahan2. Kalau kita tidak bimbang akan situasi itu hanya di-sebabkan kesikapan, maka perlu rasa-nya bagi kita bimbang pada elemen2 yang semakin galak melingkongi kita dan berkemungkinan besar menjadi pendorong betapa pada satu waktu nanti penghormatan kita akan semakin tipis terhadap moral perkahwinan dan lalu memandang percheraian sa-bagai satu perkara yang remeh. Pun dalam keadaan sekarang ini bukan tidak ada di-antara kita yang memandang percheraian dan talak-menalak itu sabagai perkara biasa dan tidak lagi di-pandang sabagai satu perkara yang mengaibkan saperti mana orang2 dahulu memandang-nya.

Perubahan sikap yang demikian ini-lah terasa bagi kita sa-olah2 suatu kuasa jolokan yang menchuit perasaan kita untok melaksanakan sa-suatu langkah sa-bantar awal agar tunas2 yang boleh saja menyebabkan grap kerukunan orang2 kita itu semakin menurun yang serba mungkin menjadi salah satu akibat pula yang menjadikan chachat-nya perpaduan antara sa-sama kita. Kerana itu, Seminar Nikah Cherai dan Gerakan Tabligh yang di-anjorkan baru2 ini amat menarek perhatian. Dari seminar itu, di-samping kita dapat mengetahui kedudokan grap perkahwinan dan percheraian yang di-nyatakan berada dalam keadaan yang rendah, kita juga di-bawa mengenali tentang perkara2 perlu sa-belum nikah dan juga sa-bahagian dari puncha2 berlaku-nya percheraian.

Kita memberi pujian kapada peserta2 seminar yang terdiri dari Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang itu yang dengan jujor-nya membentangkan keadaan sa-benar yang mereka hadapi mengenai dengan masaalah2 nikah cherai. Antara yang di-perdengarkan dalam seminar itu ia-lah peristiwa terlalai-nya upachara menikahkan yang kebanyakan-nya berbangkit dari masaalah wali saperti ke-engganan mewalikan di-sebabkan tidak suka dan masaalah anak angkat (yang sa-benar-nya tidak ada masaalah wali jika melalui ma'alumat yang benar) serta lain2 perkara yang berkaitan. Seminar itu menyarankan bahawa perkara yang demikian itu akan dapat dikurangkan kekusutan-nya dengan merujokkan kapada penghulu2 dan ketua2 kampong yang di-kehendaki akan dapat memberikan khidmat yang berkesan.

Dalam masaalah percherian pula, di-antara banyak puncha yang di-ketengahkan ia-lah tentang penglibatan ibu bapa dan keluarga pasangan suami isteri dalam urusan2 rumah-tangga mereka; kahwin terlalu muda; saja 'kan babini dan mengabaikan tanggongjawab; isteri2 yang garang dan penyampai hati; fahaman kebendaan dan kemewahan dan lain2 lagi.

Pada keselurohan-nya, seminar itu berjaya menyingkap berbagai perkara yang berkaitan dan dengan kesedaran pehak2 yang berkenaan dan sumbangan jasa bakti penghulu2 dan ketua2 kampong itu nanti, maka kita yakin masaalah2 perkahwinan dan percheraian tidak akan menjadi suatu beban yang membimbangkan.

## PADA HEMAT SAYA....

## — kalau berguru kepalang ajar.....

DALAM orang2 kita sebok fasal khabar2 mengenai ajaran sesat baru2 ini ada sa-orang yang sudah berumor dan disegani oleh orang yang mengenali-nya menyatakan: *'Baik tah sudah 'tu, mun inda miatu inda tah kadangahan orang kitani sekarang ani kuat bapanuntutan!''*

Saya kurang pasti apa yang di-maksudkan-nya dengan 'remark'-nya sachara begitu. Dia saperti menshukori ada-nya kesebokan tentang ajaran sesat itu dengan alasan chuma sa-kadar untok 'mendangahkan' yang ada diantara orang2 kita sekarang kuat belajar berbagai2 amalan dan ilmu.

Belum pun sempat saya menanya untok mendapat penjelasan-nya, dia mengtakan pula: *"Daulu2 pun bukan inda ada orang kitani yang berfaham sembahyang atu ganya kan jadi perhiasan, menggantong tikar-nya pun sudah chukop!"*

Sa-takat itu dia kelihatan selamba saja sambil dua tiga orang yang mendengar-nya saling pandang memandang satu sama lain.

Sekali lagi saya chuba membuka mulut bertanya tapi dia segera pula menyambong: *"Puasa pun macham atu, naik haji pun macham atu — semua-nya di-gelarkan bisdia perhiasan . . ."*

### PERHIASAN

"Perhiasan apa?" tiba2 sa-orang lain mendahulukan soalan-nya dengan gaya achoh tak achoh saja.

Orang yang membuat remark tadi kelihatan terus bermuka manis memandang orang yang menyoal-nya itu. Dia saperti menduga soalan tersebut meminta-nya menjawab sakadar2-nya chuma.

"Inda tah kitani tau perhiasan apa. Bisdia daulu2 atu mana tah pandai kan mensharahkan ajaran2-nya macham kitani sekarang ani," jawab-nya betul2 selamba.

"Sesat yang kena hebohkan karang ani atu ada berdalil2, sesat daulu2 atu macham sebut2an saja, inda kedengaran bisdia atu berdalil sampai menggunakan ayat Kor'an," dia menyambong.

"Apa tah kena buat kaatas bisdia daulu atu?" tanya sa-orang yang baru memuchok muda dengan nada suara yang benar2 ingin tahu.

"'Kan di-apakan tah bisdia atu?" tiba2 orang itu menyoal balek. Tapi segera pula dia menyambong: "Daulu atu bukan macham karang ani, orang yang berfaham amal ibadat serba perhiasan atu apa jua pandai bisdia kan bahapa2 ani. Lagi pun inda ada tah siapa2 kan turut-turutan macham orang karang ani yang khabar-nya sampai melarat ka-ujong ka-pisok." Dia saperti membuat perbandingan2 antara dahulu dan sekarang.

"Inda tah ku ingat sama ada waktu atu ada yang kena panggil dan disuroh bertaubat," dia menegrutkan dahi-nya saperti mengingat2 sa-suatu.

### PEHIN2 MASJID

"Bila tu?" saya mengambil kesempatan menanya-nya sa-kira2 untok mengagak2 kedudokan kuat-kuasa ugama waktu itu.

Dia menoleh memandang saya dengan muka manis-nya menandakan dia sentiasa tenang saja.

"Lama sudah eh . . . . belum lagi ada Pejabat Ugama," jawab-nya dengan suara lembut tapi nada-nya meleret. "Tapi, waktu atu pehin2 masjid sudah lama ada, bisdia tau tah yang inda tapakai kan fahaman orang menggantong tikar sembahyang atu," sambong-nya dengan dahi-nya maseh di-kerutkan saperti chuba mengingat2 sa-suatu.

"Ingat kita macham mana fahaman sesat daulu2 atu inda melarat2 sampai ka-waktu ani?" lagi saorang yang dari tadi chuma ashek menukar2 pandang antara muka orang itu dengan muka kami yang menyoal-nya.

Sa-makin jelas kelihatan dahi-nya di-kerutkan.

Dan kami masing2 pula diam. Saya mengharap orang itu akan menerangkan sa-suatu.

Ya! Macham mana boleh ajaran sesat dahulu itu tidak kedengaran lagi sahingga-lah tiba2 saja kedengaran pula ajaran sesat yang baharu?

### LEMBUT

DIA memandang saya dengan ayer muka-nya yang lembut sedang bibirnya kelihatan mengulum senyum. Saya menduga dia chukop senang untok memberitahu kami apa2 yang dapat di-ingat-nya.

"Mana tah kan melarat," kedengaran dia bersuara lembut.

"Waktu atu, orang kalau kan bapanuntutan apa2 ani inda jauh, masing2 ada dengan orang 'alim-nya yang di-ketahui," sambong-nya.

Dia diam sa-jenak, masing2 kami di-pandang-nya saperti mahu mempastikan apa-kah kami meyakini jawaban-nya itu atau bagaimana?

"Lagi pun, daulu atu inda tah luan kadangahan orang menuntut belajar amalan berlebeh2 macham karang ani . . . ." sambong-nya tapi suara-nya tersendat di-situ sambil pandangan-nya di-lepaskan ka-hadapan dengan mulut-nya saja kelihatan kumat-kamit.

Mungkin ada sa-suatu yang di-chakapkan-nya kapada diri-nya. Dan saya tidak dapat mengagak apa isi kumat-kamit mulut-nya itu, dan mungkin dia tidak mahu kami mendengar-nya.

### GILA ISIM

"Ganya daulu atu mun orang salah2 bawa ilmu yang di-pelajari-nya, ada tah yang gila isim," suara-nya tiba2 kedengaran samula. "Tapi inda sampai kedengaran orang gila isim atu mengajarkan orang lain amalan sesat atau pun mengatakan sembahyang, puasa dan haji atu semuanya perhiasan!" Suara-nya sa-makin jelas.

"Orang yang berfaham sesat dahulu atu senyap saja, mun kan ada jua kedengaran kesah-nya tunggu tia kalau ia naik haji, ah . . . . masa atu ketahuan tia!" Dia saperti geli hati melepaskan kata2-nya itu.

Tapi sa-kejapan saja tiba2 dia kelihatan tenang sa-mula dan merenong jauh ka-hadapan.

Saya terhenti untok mengagah-nya. Dua tiga orang lain saperti sudah faham akan keadaan-nya itu tidak juga menyoal-nya.

**"Yang di-hebohkan sesat karang ani atu belum ada kedengaran katulahan bisdia macham orang2 daulu yang gila isim atu." Sekali lagi mulut-nya membuka suara, dan menyambung: "Istimewa-nya pula bisdia atu khabar-nya ada yang sampai pandai mengubat-ubati orang".**

**"Ganya . . ., ku khuatirkan pandai bisdia atu pandai yang kena peturuti, macham jua nya orang2 'alim kitani daulu: iblis shaitan atu bukan-nya inda pandai dan 'alim . . . .!"**

Dia berhenti sa-takat disitu. Dan dengan ayer muka-nya yang sentiasa manis itu dia melepaskan senyum sambil beredar.

Saya tidak pasti apa-kah senyum-nya itu menandakan dia puas atau sa-betul-nya dia chuma menyindir . . . .

Kata2-nya bahawa iblis shaitan memang juga pandai dan 'alim mengingatkan saya kapada banyak kesah2 yang pernah saya terbacha dalam kitab2 tua mengenai usaha2 iblis menyesatkan manusia, ya! Berbagai2 lapisan manusia, dari orang jahil sampai-lah kapada orang 'alim dan sampai-lah kapada nabi2 pun iblis shaitan tidak henti2 chuba menyesatkan.

Mengingatkan kesah2 itu membuatkan saya juga tersenyum sendirian, tambah lagi bila mengingat Nabi kita pernah memberitahu: "**Masing2 orang ada dengan shaitan-nya!**" Mujor-lah juga Nabi ada mengajarkan kita untok memelihara diri dari di-tewaskan oleh shaitan itu.

Elok-nya, orang2 yang suka berpenuntutan mengenai macham2 amalan, apa jua amalan awal2 lagi menuntut dulu perihal senjata menewaskan shaitan itu.

Tidak ada rumit-nya kapada siapa akan di-tuntut, sebab di-negeri kita ini guru yang bukan sa-barang guru tentu di-mana lubok2-nya.

Soal-nya: ada orang kitani yang melupakan ajaran orang2 tua dalam berpenuntutan:

**"berburu ka-padang datar**
**ketemu rusa belang kaki**
**berguru kepalang ajar**
**ibarat bunga kembang tak jadi".**

*—Ketua Pegawai Penerangan.*

## *......Tidak ada rumit-nya kapada siapa akan di-tuntut, sebab di-negeri kita ini guru yang bukan sebarang guru tentu di-mana lubok2-nya.*

# JANGAN BIARKAN MASJID SUNYI DAN KOSONG

Oleh: MANAF H. A. RAHMAN

KAMPONG JUNJONGAN. — Memandangkan masjid merupakan Rumah Allah, kita orang2 Islam hendak-lah menjaga keselamatan dan kebersehan serta kemulian-nya bagi memperolehi pahala dan kebajikan di-dunia dan akhirat.

"Jangan-lah di-jadikan masjid itu sa-bagai tempat untok berbual-bual kosong saperti mengumpat dan bakal menimbulkan persengketaan sa-sama sendiri, kerana masjid ada-lah tempat berjemaah dan lambang perpaduan dan mengeratkan silatur-rahim antara umat Islam di-negeri ini".

Demikian antara lain yang di-tekankan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Laila Utama Awang Haji Abd Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Awg Haji Muhammad Taha ketika beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan Masjid Kampong Junjongan di-sini pada hari Jumaat lepas.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman kelihatan sedang merasmikan pembukaan Masjid Junjongan.

Oleh yang demikian, tambah Yang Berhormat itu lagi, jangan-lah di-biarkan masjid itu sunyi dan kosong, bahkan ada-lah menjadi kewajipan terutama pendudok2 kampong Junjongan ini untok memeriahkan dan mengisikan dengan ibadat sama-ada sa-chara bersendiri atau berjemaah dan lain2 amalan kebajikan.

Menyentoh mengenai dengan pembenaan masjid2 yang di-laksanakan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia, Yang Berhormat mensifatkan ia-nya sa-bagai tanda perkembangan dan bersemarak-nya lagi perkembangan shiar Islam di-bumi Brunei Darussalam ini.

"Sudah tentu pembangunan di-bidang kerohanian dan keugamaan sa-umpama ini sangat menggembirakan dan membanggakan kita sesuai dengan perlembagaan negeri kita yang menjadikan Islam sa-bagai ugama rasmi negara dan menjadikan ajaran Islam amalan hidup kita sa-hari2", kata beliau.

Dalam pada itu Yang Berhormat Pehin telah juga menyeru pendudok2 Kg. Junjongan supaya menanamkan semangat chintakan ugama dan masjid kapada kanak2 dan belia2 agar mereka tidak akan merasa ganjil dan kekok untok mengunjongi masjid apabila mereka dewasa nanti.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Laila Utama Awang Haji Abd Rahman beruchap sa-belum merasmikan Masjid Kampong Junjongan. Di-sebelah kiri ia-lah Y.B. Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin dalam uchapan alu2an-nya telah menyatakan yang Kerajaan telah memperuntokkan sa-jumlah $90 ribu bagi pembenaan masjid Kg. Junjongan dan telah di-mulakan pengunaan-nya pada bulan Januari lepas.

Yang Berhormat Pehin berharap agar masjid itu nanti akan di-gunakan sebagai tempat menegakkan ajaran2 Islam yang sebenar di-samping menjadi lambang perpaduan umat Islam khas-nya pendudok2 kampong tersebut, terutama dalam mempertahankan keperchayaan, aqidah dan keimanan mereka.

Beliau juga telah menyeru agar pendudok Islam di-Kg. Junjongan dan sekitar-nya supaya sentiasa berwaspada dari di-masoki oleh ajaran2 sesat yang berleluasa yang di-asaskan oleh musoh2 Islam dengan memutar-belitkan ajaran2 Islam yang sebenar.

"Saya berharap-lah supaya kita sentiasa beringat-ingat, berwaspada terhadap orang2 yang berniat jahat yang ingin memechah-belahkan kita yang ingin mengachau keimanan kita kapada Allah, kerana itu ada-lah menjadi kewajipan kita umat Islam di-negeri ini untok memelihara iman kita

Lihat muka 4

## Pemuda2 di-pelawa untok berkhidmat sa-bagai anggota Pulis

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Pulis Diraja Brunei mengkehendaki pemuda2 untok berkhidmat dengan pasokan itu sa-bagai anggota pulis.

Tiap2 pemohon mesti-lah raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei. Berumor di-antara 18 hingga 28 tahun dan lulus sekurang2-nya darjah 6 Melayu atau Inggeris. Lain2 sharat ia-lah tinggi tidak kurang 5 kaki 2 inchi; bidang dada — 31 inchi biasa; mata — baik dan tidak berkacha mata; gigi — baik dan sehat dan tidak ada chachat pada anggota.

Gaji permulaan sa-bagai rekrut ia-lah $375 sa-bulan dan di-tambah dengan $100.00 sa-bagai alaon. Pakaian seragam dan tempat tinggal di-berikan dengan perchuma.

Apabila tamat latehan dan lulus, rekrut akan di-naikkan pangkat sa-bagai mata-mata Kelas Dua dengan di-berikan gaji sa-banyak $480.00 sa-bulan dan alaon $100.00.

Sa-telah sa-tahun berkhidmat sa-bagai Mata-mata Kelas Dua dan lulus pepereksaan, mereka akan di-naikkan pangkat sa-bagai Mata-mata Kelas Satu dengan gaji $525.00 sa-bulan dan di-tambah $100.00 sa-bagai alaon.

Kenaikan pangkat yang lebeh tinggi tidak terhad, asalkan rajin, lulus semua pepereksaan dan di-ikuti dengan kerja2 yang baik.

Temuduga2 akan di-adakan di-beberapa buah Balai Pulis di-seluroh negeri saperti jadual di-bawah ini:—

Balai Pulis Bandar Seri Begawan pada 1hb dan 2hb Disember. Temuduga akan di-adakan dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 5.00 petang.

Balai Pulis Tutong pada 3hb Disember mulai jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Balai Pulis Kuala Belait pada 4hb Disember mulai jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan di-Balai Pulis Seria di-sebelah petang mulai jam 2.00 hingga 5.00 petang.

Balai Pulis Bangar pada 6hb Disember mulai jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 1.30 hingga 4.00 petang.

Rombongan penemuduga akan berada sekali lagi di-Balai Pulis Bandar Seri Begawan pada 8hb dan 9hb Disember. Temuduga akan di-adakan mulai jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 hingga 4.00 petang.

Pemohon2 yang tidak berkesempatan untok menghadhiri temuduga saperti jadual di-atas, boleh-lah datang ka-Pusat Latehan Pulis Diraja, Batu 6 Jalan Muara pada bila masa waktu bekerja untok di-temuduga.

Pemohon2 yang berjaya dan di-pileh akan mula menjalani latehan di-Pusat Latehan Pulis Jalan Muara pada 21hb Disember, 1980.



Y.A.M. Pengiran Setia Negara Pg Haji Mohd Yusof menyampaikan hadiah kapada salah sa-orang pesakit di-Wad Kanak-Kanak di-Rumah Sakit Suri Seri Begawan Kuala Belait (atas) sementara gambar bawah menunjokkan Awang Hapidz menyampaikan hadiah kapada pesakit2 di-Wad Kanak-Kanak Rumah Sakit Besar di-Bandar Seri Begawan.



## Lawatan ahli2 DPMB ka-rumah2 sakit

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ahli2 Dewan Perniagaan Melayu Brunei telah mengadakan lawatan ka-Rumah Sakit Besar di-sini dan Rumah Sakit Suri Seri Begawan di-Kuala Belait pada minggu lalu.

Lawatan ahli2 Dewan ka-Rumah Sakit Besar di-lakukan pada hari Rabu 19hb yang lalu. Rombongan sa-ramai tujoh orang itu di-Ketuai oleh Yang Dipertuan DPMB, Awang Hapidz bin Pehin Laksamana Haji Abd Razak.

Ketibaan rombongan itu telah di-sambut oleh Pegawai Perubatan Daerah, Dato Paduka Dr Haji Hussein bin Haji Mohd Daud yang kemudian-nya mengiringi rombongan itu melawat ka-wad kanak2.

Sa-belum ahli2 DPMB membahagi2kan hadiah kapada pesakit2 di-Wad Kanak-Kanak dan di-Bilek Pemuleh Chara Kerja, ketua rombongan telah menghadiahkan sa-buah chenderamata kapada rumah sakit itu yang di-terima oleh Dato Paduka Dr Haji Hussein.

Lawatan ka-Rumah Sakit Suri Seri Begawan telah di-lakukan pada hari Jumaat, 21hb Nobember. Rombongan terdiri dari lima orang itu di-ketuai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Yusof bin Pg Haji Abd Rahim.

Mengalu2kan ketibaan rombongan tersebut di-alu2kan oleh pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama termasok Kadhi Daerah Belait, Awang Haji Metussin bin Haji Timbang dan Pg Ali bin Pg Haji Osman, Pegawai Pentadbir Kanan Rumah Sakit Suri Seri Begawan serta pegawai2 kanan yang lain.

Dalam lawatan itu, rombongan ahli2 DPMB telah mengunjongi wad kanak2 dan seterus-nya membahagi-bahagikan hadiah2 kapada pesakit2 di-wad tersebut. Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pg Haji Mohd Yusof juga menyampaikan chenderamata kapada rumah sakit tersebut yang telah di-terima oleh Dato Dr T. Panch, Pegawai Perubatan Daerah.

Ahli2 DPMB juga telah mengadakan lawatan ka-Rumah Sakit Pekan Tutong pada hari Isnin lepas dan lawatan ka-Rumah Sakit di-Pekan Bangar akan di-lakukan pada hari ini.

Lawatan2 tersebut yang julong2 kali-nya di-buat oleh ahli2 DPMB bersempena dengan sambutan Awal Tahun Hijrah 1401.



YDM Dayang-Dayang Diraja Datin Seri Utama Hajjah Rosnah (tengah) dan Datin Hajjah Tinah (kiri) yang turut di-ra'ikan pada pagi itu. Di-sebelah kanan ia-lah Datin Hajjah Jusnani.

# Perbarisan tamat latehan bagi 41 orang bomba pelateh

Oleh : MANAF RAHMAN

MUARA.—Sa-ramai enam orang Penolong Pegawai Balai Bomba dan 41 orang ahli2 bomba pelateh termasok enam orang pasokan Bomba AMDB telah menamatkan latehan mereka di-satu upachara perbarisan tamat latehan yang telah di-adakan di-Padang Kawad, Sekolah Pusat Latehan Bomba di-sini pada hari Sabtu lepas.

Timbalan Pengawal Bomba Brunei, Awang Haji Yaakub bin Haji Mohd. Yusof telah menerima tabek hormat serta memereksa perbarisan dari skuad pengambilan yang menamatkan latehan dan seterus-nya menyampaikan hadiah2 kapada penolong2 pegawai balai dan ahli2 bomba pelateh yang terpileh sa-bagai terbaik ketika menjalani latehan.

Skuad pengambilan ini telah menjalani latehan asas mereka sa-lama 13 minggu di-mana mereka telah mempelajari teknik2 menchegah kebakaran, menyelamatkan jiwa semasa kechemasan dan menggunakan alat2 moden menchegah kebakaran.

Sa-telah selesai upachara itu, skuad tersebut telah menunjokkan kechekapan mereka termasok chara2 menyelamatkan orang dari bangunan tinggi, memadamkan kebakaran api minyak dan pertunjokkan alat pemadam 'Jet Master'.

Pasokan Serunai dan Tambor AMDB Battalion Kedua yang di-ketuai oleh Major Cross menyumbangkan lagu2 bagi menyerikan lagi upachara perbarisan pada pagi itu.

Turut hadhir menyaksikan perbarisan pagi itu termasok-lah Yang Berhormat Dato Paduka Othman bin Bidin, Pegawai2 Kanan Bomba, AMDB dan Pulis serta juga ibu-bapa dan sanak saudara dari skuad yang menamatkan latehan mereka hari itu.



TIMBALAN Pengawal Bomba, Awang Haji Yaakub menyampaikan hadiah terbaik kapada Penolong Pegawai Balai, Ak Bakar bin Pg Abd Rahman sementara gambar bawah kelihatan beliau memereksa barisan di-upachara perbarisan pada pagi itu.



Dari muka 3

menurut ahli2 Sunnah Wal-Jemaah", ujar beliau.

Majlis pada hari itu telah di-selajurkan dengan bersembahyang fardhu Jumaat yang di-imamkan oleh Dato Haji Abd. Salam bin Abd Razak dan Malai Haji Ahmad Murad bin Syed Haji Mashor selaku khatib.

Turut hadhir di-majlis pembukaan itu termasok-lah Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awg. Haji Abdul Hamid bin Bakal Kadhi Besar Brunei, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Timbalan Pengetua Pegawai JHEU, Awg. Haji Yahya bin Haji Ibrahim, pegawai2 kanan kerajaan serta jemputan2 khas dan pendudok2 Kg. Junjongan dan sekitar-nya.

*Kaum ibu di-seru:*

# BERIKAN PERHATIAN TERHADAP PENDIDEKAN ANAK2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kaum2 ibu di-seru untok berazam bagi sa-beberapa daya memberikan perhatian yang wajar terhadap pendidekan anak2, bukan sahaja dalam ilmu keduniaan tetapi juga dengan ajaran2 Ugama Islam yang benar.

Seruan tersebut telah di-buat oleh Datin Hajjah Jusnani bte Haji Lawie, Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi, yang juga sa-laku Pengerusi Tetap Persatuan PERTIWI, ketika beruchap di-majlis keshukoran bagi mera'ikan Jemaah2 Haji PERTIWI Daerah Brunei-Muara, yang berlangsong pada hari Jumaat, 21hb Nobember, 1980 di-Dewan Pusat Belia di-ibu Negeri.

Mengenai dengan ajaran2 sesat yang mungkin menular ka-negeri ini saperti yang di-dedahkan oleh Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama baru2 ini, Datin Hajjah Jusnani mengingatkan kaum wanita supaya sentiasa berwaspada agar terjauh dari terpengaroh oleh ajaran2 yang sesat itu.

"Sa-bagai kaum wanita, kita mempunyai pengaroh kapada keluarga terutama sekali anak2 dan ada-lah menjadi tanggong-jawab dan kewajipan kita bagi memelihara kesuchian Ugama Islam dan menyelamatkan jenerasi2 muda Islam daripada terpengaroh kapada ajaran2 yang membawa kehanchoran itu", jelas-nya lagi.

Menyentoh mengenai majlis pagi itu, beliau mengharapkan agar ia-nya dapat memberi peluang kapada ahli2 PERTIWI untok beramah-mesra antara satu sama lain dan merapatkan silatur-rahim antara ahli2 yang tinggal berjauhan dan jarang2 bertemu satu dengan lain.

Sa-lain dari mera'ikan Jemaah Haji Persatuan PERTIWI Daerah Brunei-Muara dan keluarga2 mereka, majlis itu juga di-selajorkan dengan Sambutan Awal Tahun Hijrah 1401.

Antara yang hadhir di-majlis itu ia-lah Yang Di-Muliakan Dayang2 Diraja Datin Seri Utama Hajjah Rosnah bte Abdullah, Datin Hajjah Tinah bte Abd. Rahman, Yang Dipertua PERTIWI, Ustazah Norhani bte Haji Baha. Pegawai Pelajaran Ugama dan lain2 Jemputan khas.

Achara2 yang di-persembahkan di-Majlis Keshukoran itu termasok-lah persembahan Nashid oleh anak2 ahli PERTIWI, Sharahan Khas, dan Marhaban. Majlis tersebut di-akhiri dengan Bachaan Doa Selamat oleh Malai Rogayah bte Haji Malai Mashore.



Datin Hajjah Jusnani ketika beruchap di-majlis tersebut.

# Minggu Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Isnin 8hb hingga 15hb Disember depan ada-lah merupakan Minggu Kesihatan yang akan di-adakan sempena perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Beginda Sultan dan Yang Dipertuan ke-34 tahun.

Thema Minggu Kesihatan pada tahun ini ada-lah Hapuskan Nyamok Aedes Aegypti dan hindarkan Brunei daripada di-serang Penyakit Demam Denggi.

Oleh kerana tempat2 lain di-negeri ini di-dapati bebas daripada pembiakan nyamok jenis ini perhatian berat akan di-berikan oleh jawatankuasa kempen tersebut di-kampong ayer. Sa-bahagian besar daripada aktiviti2 minggu ini di-tumpukan di-dalam memberikan pelajaran2 kesihatan kapada murid2 sekolah dan kapada orang2 dewasa.

Turut menjayakan kempen tersebut termasok-lah beberapa jabatan2 kerajaan separti Jabatan Pelajaran, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, Pajabat2 Daerah, Jabatan Kerja Raya di-samping Jabatan Perubatan dan Kesihatan serta jabatan2 yang lain.

# Majlis penyampaian sijil TABIKA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis Penyampaian Sijil dan Pesta Pendidekan bagi TABIKA Nusa Laila Puteri, bagi kali ke-5 akan di-langsongkan di-Dewan Sekolah Melayu Pusar Ulak, pada hari Ahad 7hb Disember, 1980 mulai jam 2.00 petang.

Pelita di-beritahu bahawa Pengetua, guru serta kakitangan TABIKA mengharapkan kapada para ibu-bapa serta para jemputan khususnya supaya akan dapat hadhir ka-upachara tersebut demi kepentingan anak2 didekan kita pada masa akan datang.

Pada hari itu juga sa-bahagian dari anak2 TABIKA yang telah menamatkan pelajaran mereka dalam tahun kedua akan menerima sijil2 mereka itu dari Dayang Rogayah Haji Shafie, isteri Timbalan Pengarah Pelajaran Brunei. Manakala hadiah2 pula akan di-sampaikan oleh Dayang Maimunah bte Haji Omar, isteri Ketua Pegawai Penerangan Brunei.

Ada-lah di-fahamkan pehak TABIKA juga telah menawarkan dermasiswa pelajaran perchuma kapada anak2 yatim di-Daerah Brunei Muara yang berumor 3 hingga 5 tahun untok belajar di-TABIKA. Ini ada-lah sa-mata2 untok memberi peluang kapada anak2 yang kurang bernasib baik.

Pada masa ini TABIKA telah memanjangkan masa pendaftaran menerima murid2 baru untok tahun 1981 sa-hingga 1hb Disember, 1980. Ibu-bapa dan penjaga murid2 yang berhajat boleh-lah mendaftarkan anak2 mereka sekarang di-Bangunan Cheong Mansion tingkat bawah, Batu ½, Jalan Tutong.

# Bhg. Penerangan di-Pekan Tutong

PEKAN TUTONG. — Pejabat Chawangan Bahagian Penerangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan kini di-tempatkan di-Rumah Kerajaan Kelas C No. 10, Bukit Bendera Tutong.

Pegawai dan kakitangan jabatan itu mulai berpindah ka-bangunan baru itu pada 6hb Nobember yang lalu.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 26HB NOB.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 ANIMAL WORLD
5.30 THE NEW SCHMOO
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 BUTTERFLIES Ep. 2
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 BUTTERFLIES — sambongan
6.30 DR. WHO — "Underworld"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO — "Double Take, Double Take"
7.25 AZAN ISHA
7.29 THE MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH KHAS 1401
8.40 MAJALLAH BRUNEI
9.00 WAR YEARS — "A Killing of Eagles"
Dokumentari ini mengenang kembali sa-lepas tiga puloh tahun peperangan udara yang terbesar pernah berlaku.
9.50 TAYANGAN GAMBAR TV — "The Gathering II"
11.50 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 27HB NOB.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
4.55 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SPIDERMAN
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 SPIDERMAN — sambongan
6.35 THE TOMORROW'S PEOPLE — Ep. 2.

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 GREAT WESTERN THEATRE
7.25 AZAN ISHA
7.29 GREAT WESTERN THEATRE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH KHAS 1401
8.40 HIDAYAT
9.10 DUNIA MINGGU INI
9.40 WKRP IN CINCINNATI — "The Patter of Little Feet"
Carlson merasa sunggoh gembira bila ia mendapati isteri-nya mengandong tetapi Mama Carlson merasakan bahawa menantu-nya ini terlalu tua dan sepatut-nya menggugorkan kandongannya.
10.10 TELEFORD'S CHANGE — Ep. 7
11.00 BIG VALLEY
11.40 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 28HB NOB.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SONG BOOK
5.15 CHILDREN'S SERIAL PACKAGE
5.30 MAGIC PALACE
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 KID POWER
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 KID POWER — sambongan
6.30 THE MUPPET SHOW

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 STONE
7.25 AZAN ISHA
7.30 STONE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH KHAS 1401
8.40 PANORAMA
9.10 BENSON Ep. 21 — "Power Play"
9.40 BIG LEAGUE SOCCER
10.30 HAWAII FIVE O — "Double Exposure"
11.20 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 29HB NOB.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
4.55 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 THE THING
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 THE THING — sambongan
6.30 BEWITCHED —
Siri komedi yang di-minati ramai ketika ini kembali menemui awda bagi menggantikan siri Angie.

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FOUNDATION Ep. 14.
7.25 AZAN ISHA
7.29 FOUNDATION — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH KHAS 1401
8.40 MAJALLAH BRUNEI
9.00 SERIKANDI
9.30 PUSPARAMA
10.10 TAYANGAN GAMBAR — Indonesia (Hitam Puteh)
Kali ini awda akan dapat menyaksikan Tayangan Gambar Indonesia bertajok "Kaseh Tak Sampai". Tayangan-nya akan dapat di-saksikan kira2 pukol 10.10 malam.
11.15 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 30HB NOB.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 DON'T JUST SIT THERE
5.30 CAPTAIN CAVEMAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CHILDREN'S FEATURES — No. 8
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TENSPEED AND BROWN SHOE
7.25 AZAN ISHA
7.29 TENSPEED AND BROWN SHOE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH KHAS 1401
8.40 POT BLACK Ep. 14
9.20 DRAMA — "'Kesedaran"
Sa-buah Drama Sambutan Hijrah. Drama menggambarkan kahwin champor dan salah sangka emak mertua kapada anak menantu-nya. Sa-telah di-dapati-nya anak2 dan menantu-nya mengerjakan sembahyang baharu-lah dia sedar yang dia telah salah sangka.
10.15 FOX — "Just Another Villian In a Cheap Suit"
Ray di-minta untok membayar balek piutang di-masa lalu yang ingin di-lupakan-nya.
11.05 ARMCHAIR THRILLER — "Rachel in Danger" Pt 3
Bapa Rachel di-bunoh oleh pengganas2 yang meranchang pembunohan di-Royal Garden Party. Oleh kerana Rachel sendiri tidak pernah menemui bapa-nya sejak berusia dua tahun, ia perchaya bahawa pembunoh itu adalah bapa-nya. Jika ia tahu hal yang sebenar-nya, mereka juga akan membunoh-nya.
11.40 SIARAN TAMAT

## ISNIN — 1HB DIS.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 CHILDREN OF FIRE MOUNTAIN — Ep. 6
5.30 YOUNG PEOPLE'S SPECIALS — "Palm Trees and the Ice Bergs"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 FREEWHEELERS
6.12 AZAN MAGHRIB
6.16 FREEWHEELERS — sambongan
6.30 JASON OF STAR COMMAND

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 VEGAS
7.26 AZAN ISHA
7.30 VEGAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 MINDER
9.40 HOLLYWOOD Ep. 10 — "The Man With The Megaphone"
10.30 WARSHIP — Ep. 8
11.10 SIARAN TAMAT

## SELASA — 2HB DIS.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SKATE BIRDS
5.30 GATHER YOUR DREAMS —
Kekechewaan di-sambong kejayaan, Begitu-lah penghidupan di-dunia hiboran, menurut pendapat beberapa orang, tetapi bagi Kitty dan kumpolan-nya penganjor yang baik dan menarek diri ini begitu menghampakan sekali dalam episod terakhir "Gather Your Dreams". Jangan lupa awda menyaksikan siri terakhir ini dan siri yang akan menggantikan Gather Your Dreams ia-lah The Shari Lewis Show.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 DAVID COPPERFIELD
6.12 AZAN MAGHRIB
6.16 DAVID COPPERFIELD — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LOVE BOAT — K.13
7.26 AZAN ISHA
7.30 LOVE BOAT — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.15 TAYANGAN GAMBAR : "Phantom of Opera"
10.45 BILLY LIAR Ep. 9
11.15 SIARAN TAMAT.





EFREM Zimbalist, Jr. dan Maureen Stapleton membintangi "The Gathering" Part II. Efrem Zimbalist berlakun sa-bagai pengusaha yang kaya raya bernama Victor Wainwright yang menjalin hubongan mesra dengan Kate Thornton (Stapleton) sementara itu keluarga Kate merasa ragu akan maksud dan tujuan Wainwright.
Kisah ini akan dapat Awda saksikan dalam tayangan gambar malam ini jam 9.50 malam.

# intisari RTB minggu ini

PUAN2 sekalian dalam beberapa keluaran yang lalu, puan2 telah dapat mengikuti beberapa petua rumah tangga, persembahan-persembahan kaum wanita kita, seni gubahan tangan dan lain2 lagi.

Minggu ini puan2 akan mendengar cheramah mengenai dengan peratoran makan ubat oleh Datin Siti Hajar P.O.K.S. Setia Haji Md. Yusof (gambar kanan). Di-samping itu beberapa tinjauan kami di-tiga buah daerah ia-itu pertandingan kanak2 sehat di-Daerah Belait dan Tutong dan pameran urusan rumahtangga di-Daerah Temburong.







## Siaran langsong Combo RTB

BAHAGIAN Melayu Radio Brunei, akan menyiarkan siaran langsong Combo RTB pada hari Ahad, 30hb. Nobember 1980 bertempat di-Studio 2 RTB mulai jam 1.00 hingga 1.45 tengah hari.

Beberapa orang penyanyi tempatan yang berbakat akan di-undang menyertai ranchangan tersebut.

## Kumpolan Hearts Desire akan menghiborkan Awda

BAHAGIAN Melayu Radio Brunei, sa-panjang tahun 1980 ini, telah banyak menerima permohonan dari pemimpin2 pancharagam tanah ayer untok membuat rakaman. Lebeh 10 buah kumpolan pancharagam telah di-daftarkan, dan sa-takat ini kejayaan yang di-perolehi oleh kumpolan pancharagam itu agak menggalakkan. Penerbit Pancharagam Tanah Ayer (Zaini Md Yusoff) telah berusaha menggalakkan pemimpin2 pancharagam supaya bergiat untok meninggikan mutu persembahan, sama ada dalam permainan atau nyanyian.

Pehak penerbit akan memileh pancharagam mana yang sesuai untok di-persembahkan kapada orang ramai.

Dalam gambar atas, kelihatan dua orang penyanyi Kumpolan HEARTS DESIRE di-bawah pimpinan Osman Haji Abu Bakar semasa mengadakan rakaman-nya di-studio 2 RTB. Dayang Hajjah Zubaidah (kiri) dengan penoh perasaan, membawakan lagu, Kau Tampan dan Peristiwa Di-bulan Nobember, sementara Effendy Agus, sedang memetik guitar-nya, membawakan 4 buah lagu, Dulu dan Sekarang, Warm Ride (lagu Inggeris), Kenangan Lalu dan Zakiah.

Kugiran HEARTS DESIRE di-tubohkan baru beberapa bulan yang lalu.

# RANCHANGAN TVP DARI 1HB HINGGA 7HB DIS.

### ISNIN — 1HB DIS

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 226
Di-dalam ranchangan kali ini, Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti bermain BELON SI-MANIS, MENGATOR GAMBAR, AMINAH, NAIK KUDA, HALAMAN BERCHERITA DAN CHERMIN SAKTI.
Di-HALAMAN BERCHERITA Chegu Sa'diah akan membachakan buku bertajok "Anak Dari Rumah Panjang".

### SELASA — 2HB DIS

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 227
Di-dalam ranchangan kali ini, Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti ruangan MARI BERLAKON, KERJA TANGAN, SI-MANIS, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI.
Di-ruangan MARI BERLAKON kanak2 dan Chegu Sa'diah akan berlakon membuat apa yang biasa kanak2 lakukan sa-lepas bangun tidor.
Minggu ini SI-MANIS berpesan pada kawan2-nya supaya jangan mengachau talipon.
Di-SIRI PERMULAAN Chegu Sa'diah akan membacha buku bertajok 'Talipon'.

### RABU — 3HB DIS

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 227
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERMAIN MUSIK, PETI SURAT, HALAMAN BINATANG, BERSENAM, MAIN KIM dan CHERMIN SAKTI.
Di-sudut MAIN KIM Chegu Sa'diah akan menggunakan benda2 di-dapor saperti anak lesong, chandas, pengasah pisau dan lain2.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 228.

### KHAMIS — 4HB DIS

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 229.
Di-dalam ranchangan kali ini kanak2 dapat menyaksikan aktiviti2 saperti BERMAIN BAKUL, TEKA BENDA, AMINAH, BERMAIN BOLA, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Di-sudut TEKA BENDA Chegu Sa'diah akan menggunakan benda2 di-dapor saperti di-sudut MAIN KIM yang lepas.
Di-HALAMAN BERCHERITA Chegu Sa'diah akan bercherita berkenaan dengan kesah 'Tiga Sahabat'.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 229.

### JUMAAT — 5HB DIS

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Di-dalam ranchangan kali ini, Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti BERMAIN BAKUL, GAMBAR DARI RUMAH, BERMAIN KUDA, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMAIN SAKTI.
Di-halaman GAMBAR DARI RUMAH, Chegu Sa'diah akan melihatkan gambar2 yang di-kirimkan oleh kanak2 kapada-nya. Sementara di-HALAMAN BERCHERITA, Chegu Sa'diah akan bercherita kapada kanak2 tentang kesah sa-ekor anjing dengan bangau.

### SABTU — 6HB DIS

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 230
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti KETUA KESELAMATAN, PEKERJAAN SENDIRI, AMIN, BOLA TUMBOK, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
KETUA KESELAMATAN minggu ini melarang kanak2 melontar batu.
Di-HALAMAN BERCHERITA Chegu Sa'diah akan bercherita berkenaan dengan 'Ahmad Budak Degil'.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 230.

### AHAD — 7HB DIS

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Di-dalam ranchangan kali ini, Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, MAIN KIM, BELON SI-MANIS, AMIN, KAJIAN SEMULA JADI dan CHERMIN SAKTI.
Di-halaman MAIN KIM, kanak2 akan meneka barang2 di-perbuat daripada kacha yang di-sembunyikan oleh Chegu Sa'diah.
Chegu Sa'diah akan melihatkan jenis2 sayor dan buah tempatan.



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pg Badaruddin bin Pg Ghani ketika memberikan uchapan alu2an di-majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Skerip Drama Radio dan TV.

# USAHA2 DBP PATUT DPT. PENGHARGAAN

Oleh : JAAFAR IBRAHIM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Usaha2 DBP dalam menerbitkan karya penulis tempatan patut mendapat penghargaan dan semesti-nya di-teruskan, bagaimana pun kegigihan dalam mengungkayahkan terbitan buku2 teks, bachaan umom dan ilmu pengetahuan tinggi di-segenap bidang belum sampai kapada tahap yang di-anggap menjadi ristaan bersama.

Untok itu, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani mengingatkan, penerbitkan buku2 teks tersebut tidak saja terletak pada pengarang2 dan pegawai2 DBP malah golongan chendikiawan yang menjadi tulang belakang dalam pentadbiran negara ini patut sa-chara sedar memikul bersama.

Beruchap sa-laku penegerusi di-majlis penyampaian hadiah peraduan menulis skerip drama radio, talivishen dan pentas sempena sambutan Tahun Hijrah 1401 yang telah di-adakan di-Balai Pameran jabatan tersebut baru2 ini, Pengiran Badaruddin merasa yakin kerana golongan tersebut sa-bagai yang mempunyai disiplin ilmu dalam berbagai-bagai bidang.

"Dan ada-lah menjadi satu perkara yang wajar bagi sa-tiap bidang ilmu yang di-perolehi serta penoh tersimpan di-dada itu di-churahkan kembali kapada ra'ayat dan penduduk di-negeri ini dalam bentok buku2 yang akan dapat di-gunakan sa-bagai bahan bachaan dan rujokan", tegas-nya.

Oleh itu tambah Pg. Badaruddin, tugas dan fungsi DBP, sa-bagai ejen penerbitan buku2 teks, bachaan umom dan ilmu pengetahuan tinggi, akan dapat berjalan dengan lichin dan sempurna jika semua pehak dan golongan memberikan sumbangan karya-nya dari masa ka-masa.

Menyentoh mengenai dengan pendekatan kemerdekaan Brunei pada tahun 1983, Pengiran Badaruddin mensifatkan ia-nya sa-makin kuat chabaran2 yang kita hadapi dengan memerlukan kegigihan dan ketabahan bagi mengatasi-nya.

Kapada para penulis, karyawan dan chendikiawan, Pengiran Badaruddin seterus-nya bertanya, apa-kah sudah ada persediaan, derma dan penghasilan ilmiah untok mengisi, di-serahkan dan sumbangkan bagi kepentingan pada mempertahankan erti dan makna kemerdekaan itu?.

Persoalan demikian, jelas-nya lagi, perlu di-fikirkan bersama kerana tanpa penerbitan buku2 berkenaan yang berorientasikan keadaan tempatan, berlatar-belakangkan kebudayaan dan beridentiti ke-Bruneian dan Islam yang di-hasratkan sa-bagai satu chara hidup yang lengkap sudah pasti jenerasi kita sa-lepas kemerdekaan itu akan menghadapi vaccum pemikiran.

"Jika ini gagal di-atasi sudah pasti mereka yang menjadi golongan terpenting ini sa-chara terpaksa akan di-lemparkan oleh keadaan dalam satu dilemma dan sa-bagai jalan untok keluar, mereka mengalehkan pandangan ka-tempat lain yang sa-chara jangka panjang akan merugikan bangsa dan negara kita sendiri", tegasnya.

Dari itu beliau menyeru kapada seluroh penulis2 tanah ayer supaya sama2 tampil ka-hadapan untok membanyakkan penerbitan buku2 tersebut yang bukan sahaja untok kepentingan semua peringkat persekolahan malahan juga bagi kegunaan bakal mahasiswa pusat pengajian tinggi yang akan kita mileki.

Dengan itu, tambah-nya baharu-lah kita mampu serta berkeupayaan membahana memberigakan keutohan dan keyunikan bangsa dan negara Brunei Darussalam dalam sagenap bidang sa-bagai satu bangsa yang bertamaddun tinggi dan selaku sabuah Empayar Melayu di-Nusantara yang akan dapat berdiri dan dudok sama rendah dengan bangsa dan negara2 lain.

Pengiran Badaruddin juga berharap kapada penulis yang berjaya dalam peraduan itu supaya akan terus berusaha memperbaiki bidang penulisan drama masing2 dari sa-masa ka-sa-masa.

## KENYATAAN

SUKACHITA di-ma'alomkan bahawa mulai dari 1hb Disember, 1980 semua borang2 BUR 500 dan perjanjian hanya akan di-terima oleh Pejabat ini pada waktu2 yang di-nyatakan di-bawah ini:—

PAGI : dari 8.30 pagi hingga 11.00 pagi

PETANG: dari 2.00 petang hingga 3.00 petang

Perjanjian2 dan/atau pertukaran2 perjanjian hendak-lah di-bawa sa-masa menghantar borang2 BUR 500 untok orang2 yang akan di-ambil bagi perjanjian2 yang maseh lagi sah tempoh-nya. Perjanjian2 yang akan mansoh dan yang telah mansoh hendak-lah di-buat pembaharuan-nya sa-masa hendak menghantar borang2 BUR 500 ka-Pejabat ini. Pejabat ini tidak akan menerima borang2 BUR 500 yang tidak membawa perjanjian2 atau/dan pertukaran2 perjanjian. Perjanjian2 dan/atau pertukaran2 perjanjian hendak-lah di-buat bagi orang2 yang baru di-ambil jika orang2 ini berada di-Brunei.

Semua borang2 BUR 500 dan perjanjian2 hendak-lah di-hantar ka-Pejabat ini sekurang2-nya SATU BULAN sa-belum tempoh-nya tamat di-perlakukan.

Borang2 BUR 500 yang tidak lengkap di-isikan akan di-tolak oleh Pejabat ini.

Semua majikan2 hendak-lah membuat perjanjian pekerjaan dengan pegawai2 kaki-tangan dan pekerja2 asing mereka yang mana kemudian-nya akan di-tanda-tangani oleh Pesuroh-jaya Buroh. Semua perjanjian yang di-hadapkan ka-Pejabat ini mesti-lah di-tanda-tangani oleh majikan terlebeh dahulu. Orang2 yang di-gaji hanya akan di-benarkan menanda-tangani di-Pejabat ini sa-telah di-berikan penerangan berhubong dengan perjanjian ini. Orang2 yang di-gaji ada-lah di-kehendaki hadhir ka-Pejabat ini untok menerima penerangan kandongan perjanjian.

Perjanjian2 dan/atau pertukaran2 perjanjian yang tidak lengkap di-isikan akan di-tolak oleh Pejabat ini.

# Hormat-menghormati asas untok menchapai keamanan dan keselamatan

SINAUT. — Beberapa asas untok menchapai keamanan dan keselamatan dalam hidup bernegara ia-lah dengan mengujudkan perasaan hormat-menghormati di-kalangan semua perengkat dan golongan masharakat.

Kemajuan dalam apa jua bidang tidak akan terchapai jika asas2 yang menjadi sendi kerukunan hidup itu tidak di-jaga atau dalam erti kata tidak di-titek-beratkan.

Demikian pandangan yang telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah sa-masa beruchap merasmikan Khemah Kerja Belia bagi meruboh dan membersehkan kawasan masjid lama di-sini minggu lalu.

Pelancharan kerja yang berkebajikan itu telah menampakkan ada-nya kerja-sama yang mengalakkan di-antara golongan tua dan muda dan mengikut Awang Haji Chuchu, 'ia-nya ada-lah satu chontoh yang baik di-mana kegiatan2 belia itu tidak semesti-nya mengenepikan golongan tua dan begitu juga golongan tua tidak menjauhkan atau memenchilkan golongan muda'.

### MAJORITI

Di-negeri ini belia dan beliawanis ada-lah merupakan golongan majoriti. Selaku golongan yang mempunyai tenaga, mereka ada-lah tulang belakang bagi pembangunan negara di-mana ketampilan mereka ada-lah merupakan faktor penentu bagi maju mundor-nya negara kita.

Berdasarkan kapada data dan fakta tersebut menurut Awang Haji Chuchu sudah seharus-nya-lah pergerakan2 belia dan beliawanis yang di-halalkan di-segi undang2 di-negeri ini tidak akan terus kaku dan lengah bagi tampil kehadapan dengan sifat2 yang bertanggong-jawab dan ikhlas lagi jujor.

Saranan untok tampil itu menurut Awang Haji Chuchu ada-lah merupakan satu chabaran bagi kewibaan para belia di-samping ia-nya merupakan satu tindakan yang sudah chuchok pada ketika mana negara kita sedang menuju ambang kemajuan-nya yang akan terus menempoh kepesatan.

'Sekarang negara kita sedang menuju ambang kemajuan yang pesat dan sudah barang tentu suasana ini menchabar kewibawaan para belia. Tiba-lah sekarang para belia berterus-terang menunjokkan sikap peribadi mereka terhadap memelihara kedaulatan **Raja, bangsa, negara** dan ugama', jelas beliau lagi.

### PUPOK

Sa-lanjut-nya Awang Haji Chuchu berharap agar semangat kemajuan belia yang di-harapkan akan terus di-pupok dengan penoh dynamik dan progresif serta sentiasa di-pelihara sesuai dengan masa dan keadaan hidup kita.

"Walau apa-pun keluasan, kajauhan pergerakan belia itu hendak-lah selalu menauleh dan beringat2. Tegas-nya identiti keBruneian kitani ada-lah teras penchapai matalamat kemajuan yang berlunaskan chiri2 bangsa Melayu yang kuat berugama, taat kapada raja, berbudi-bahasa, beradat-istiadat dan bernegara", **jelas-nya.**





GAMBAR atas menunjokkan ketika kerja2 meroboh bangunan masjid lama dan membersehkan kawasan sedang di-jalankan.

# KEPENTINGAN BERUGAMA SENTIASA DI-PERHITONGKAN — Haji Badaruddin

BANDAR SERI BEGAWAN. — Suasana kehidupan kita dewasa ini yang berlandaskan dan menurut chara2 hidup berugama tidak sepatut-nya menimbulkan masaalah komplekasi atau 'double personality' dalam diri saseorang antara kita.

Beruchap ketika merasmikan Peraduan Membacha Al-Kor'an antara Kaki-tangan Jabatan Letrik yang telah di-adakan disini pada malam Ahad lalu, Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menambah-kata, kerana suasana tersebut ada-lah merupakan sa-bagai suasana harian kita di-bumi Brunei Darussalam ini.

Soal-nya sekarang, ia-lah kesediaan kita melibatkan diri ka-dalam chara2 tersebut baik dalam kehidupan perseorangan atau pun dari kehidupan bermasharakat dan bernegara.

"Sebutan si-anu atu moden dan liberal kerana mendapat pelajaran-nya dari Barat; si-anu atu Conservative dan fanatik kerana mendapat pelajaran dari negeri Arab. Chuma-lah sebutan2 itu akan benar dan tepat kira-nya masing2 'Si-anu atu' tidak merasakan sa-barang commitment kapada masharakat-nya, bangsa dan negara-nya yang terang masharakat bersuasanakan Islam, bangsa yang berteraskan Islam dan negara-nya yang Islam ini", kata-nya lagi.

"Dan alhamdulillah, kita di-Brunei tidak-lah sampai menjadikan kita sempit bernafas untok melihat kenyataan bahawa semua pehak orang kita ada-lah menyedari commitment masing2 itu", tambah beliau seterus-nya.

Bokti-nya, jelas Awang Hj. Badaruddin, hampir dalam satiap keadaan kita dewasa ini memperhitongkan kepentingan keugamaan dan semangat itu sebenar-nya kita telah dapat mengekalkan kesejahteraan hidup bagi semua lapisan masharakat di-negeri sama ada ia kebetulan Islam atau bukan Islam.

Walau bagaimana pun terserah-lah kapada kita yang sudah dewasa dan ibarat kata orang katani 'sudah panjang basar' ini untok memastikan chiri2 dan sendi ke-masharakatan kita ini dapat di-salin, di-turunkan dan di-wasiatkan kapada anak chuchu kita dikemudian hari.

Awang Haji Badaruddin menjelaskan bahawa suasana hidup berugama di-negeri ini amat ketara sekali kerana perkara berugama sangat nyata di-amalkan dan di-shi'arkan di-setiap ketika dan hampir sa-tiap saat kehidupan kita penoh berunsorkan dan bersuasanakan ugama.

"Alhamdulillah, begitu-lah sebetul-nya yang di-kehendaki oleh Allah s.w.t. bagi kita sentiasa mematutkan diri masing2 dengan amalan2 yang matalamat-nya tidak terlepas dari tujuan2 mendapatkan keredhaan Allah di-dunia dan akhirat", kata-nya.

Amalan keugamaan itu, tambah-nya lagi, sangat-lah luas, ia meliputi serba-serbi kehidupan kita sa-tiap hari semata-mata untok mendapatkan keredhaan Allah s.w.t.

Turut beruchap di-majlis itu ia-lah Ketua Jurutera Letrik, Awang Malai Ali bin Malai Haji Othman.

Awang Ahad bin Metussin, telah mendapat tempat pertama dalam peraduan itu, Kedua, Awang Metussin bin Haji Abd. Rahman dan pemenang ketiga jatoh kapada Awang Maarof bin Haji Mohammad Yaakob.

Peraduan tersebut di-anjorkan oleh Badan Kebajikan Letrik sempena menyambut Hari Raya Aidil Adha dan di-beri thema "Al-Kor'an membentok kesejahteraan" Sa-ramai 13 orang peserta telah menyertai peraduan yang julong2 kali-nya di-adakan oleh Badan itu.

Hadiah2 kapada pemenang2 juga telah di-sampaikan oleh Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.



AWANG Haji Badaruddin menyampaikan hadiah kapada pemenang pertama, Awang Ahad bin Metussin (atas) dan pemenang kedua, Awang Metussin bin Haji Abdul Rahman.



## Pemilehan Ketua Kg. Batang Mitus

PEKAN TUTONG. — Majlis pemilehan chalun Ketua Kampong Batang Mitus, Daerah Tutong akan di-adakan di-Sekolah Melayu Batang Mitus pada hari Sabtu 6hb Disember, 1980 jam 2.30 petang.

Pemilehan chalun itu ada-lah bagi menggantikan Awang Owing bin Aba yang telah bersara baru2 ini.

Pendudok2 kampong yang berkenaan yang berumor 21 tahun ka-atas ada-lah di-minta hadhir pada tarikh dan waktu yang di-tetapkan itu.

Sharat2 untok menjadi chalun ada-lah saperti berikut: —

(a) Chalun hendak-lah sudah bermastautin dalam kampong tersebut sekurang2-nya 3 tahun dan sa-telah di-lantek di-kehendaki bermastautin sa-chara tetap dalam kampong tersebut.

(b) Chalun mesti-lah berumor tidak kurang daripada 30 tahun;

(c) Chalun sekurang2-nya mempunyai kelulusan Darjah IV Sekolah Melayu;

(d) Chalun mesti-lah bukan Pegawai Kerajaan, kaki-tangan Sharikat atau Badan Perniagaan.

Borang2 pendaftaran sa-bagai chalun boleh di-perolehi daripada Pejabat Daerah Tutong.

## Anggota2 AMDB berkursus ka-seberang laut

BERAKAS. — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan menghantar beberapa orang anggota-nya bagi menghadhiri berbagai kursus di-seberang laut.

120 Lt Adanan bin Datu HB Hj. Wahab dari Pasokan Peninjau Kereta Perisai Tutong Kem, akan berlepas ka-United Kingdom esok, 27hb, Nobember, 1980 bagi menghadhiri kursus Rac Troop Leaders, yang mana akan bermula awal Disember depan bertempat di-Pusat Royal Armoured Corps, Dorset.

Sementara itu, dua orang lagi anggota Pasokan tersebut akan berlepas ka-Singapura pada 6hb. Disember depan untok mengikuti kursus Engineer Recce Commandant di-Combat Engineers Battalion ka-30 Singapura.

Mereka ia-lah 4545 Sgt Yahau bin Yakun dari Combat Engineering Squadron dan 4514 Sgt Hamid bin Hj. Ahad dari Pusat Latehan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei. Kursus bagi kedua anggota itu akan bermula pada 8hb. Disember dan di-jangka akan berakhir pada 13hb. Januari tahun depan.

Sa-lain dari itu, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei juga akan menghantar beberapa orang ahli Kadet pasokan tersebut ka-Republik Singapura untok mengikuti kursus Outward Bound bertempat di-Sekolah Outward Bound, Pulau Ubin Singapura.

Mereka yang akan mengikuti kursus No 15 Outward Bound ia-lah 3073 WO2 Hamdan bin Omar, 4948 L/Cpl Abdullah bin Ibrahim, 4490 L/Cpl Bakar bin Daud, Kadet Brunei Murang bin Buri, Zaini bin Mohd Daud, Mohd. Dahlan bin Emran dan Omar bin Hamdan. Mereka akan berlepas ka-Singapura pada hari Ahad ini, 30hb. Nobember, 1980, dan akan memulakan kursus pada 1hb. Disember hingga 5hb. Disember, 1980.

Manakala sembilan orang anggota Kadet yang lain, yang akan di-ketuai oleh 3623 WO2 Ahmad bin Hj. Sahat, akan berlepas ka-republik itu pada 14hb. Disember, 1980.

Mereka ia-lah Soffery bin Awg. Apong, Jeffery bin Abd. Latif, Mohd. Ayub bin Serudin, Ak. Mohd. Hassan bin Pg. Atan, Ak. Ramlee bin Pg. Hj. Mat Jaafar, Jafari bin Samat, Ismail bin Mahran, Abu Bakar bin Abdullah, dan Othman Jalani bin Ismail. Mereka akan menghadhiri kursus No: 17. Outward Bound yang akan bermula pada 15hb. Disember hingga 19hb. Disember, 1980.

## Persatuan bekas penuntut Maktab SOAS anjor sambutan Awal Hijrah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Bekas Penuntut2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin akan mengadakan majlis sambutan sempena Tahun Hijrah 1401 yang akan di-langsongkan di-Dewan Kuliah Bangunan Peringatan Churchill di-ibu negeri pada hari Khamis 4hb Disember depan mulai jam 7.00 malam.

Antara achara2 yang akan di-adakan pada malam itu nanti termasok-lah bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an yang akan di-sampaikan oleh Awang Marsal bin Haji Masri, deklamasi sajak oleh Dayang Zahlilawati bte Abd Jalil dan Awangku Jamaluddin bin Pengiran Yusof dan persembahan marhaban.

Kemunchak dari achara pada malam tersebut ia-lah, sharahan khas mengenai dengan Tahun Hijrah yang akan di-sampaikan oleh Awang Haji Adam bin Haji Ahmad yang juga selaku tetamu kehormat di-majlis itu.

Oleh itu ada-lah di-harapkan kapada bekas penuntut2 Maktab SOAS supaya akan dapat hadhir bagi meramaikan lagi majlis yang berkebajikan pada malam itu.

# Majlis Khatamal Kor'an bagi 41 orang pelajar2 Kelas Dewasa

JALAN MUARA. — Sa-ramai 21 pelajar2 perempuan dan 20 orang pelajar2 lelaki kelas2 dewasa Kor'an kawasan Jalan Gadong hingga Jalan Berakas telah menyertai majlis khatamal Kor'an yang telah di-adakan di-Masjid Mohammad Bolkiah, Kampong Serusop pada hari Ahad 16hb. Nobember lepas.

Majlis pada pagi itu telah di-mulakan dengan perarakan pelajar2 dewasa yang mengambil bahagian masok ka-dalam masjid dengan di-iringi oleh pukolan hadhrah, yang kemudian-nya achara terus di-mulakan dengan uchapan dari pengerusi majlis dan uchapan dari tetamu kehormat Dato Paduka Abidin bin Rashid yang di-bachakan oleh wakil peribadi beliau, Pg. Kamaluddin bin Pg. Rabaha.

Sa-telah itu majlis khatam pun di-mulakan dengan di-dahului oleh bachaan fatihah oleh Imam Masjid Sufri Bolkiah, Awang Haji Ibrahim bin Othman dan seterus-nya bachaan2 surah pun di-mulakan oleh peserta2 perempuan. Dan di-ikuti oleh peserta2 lelaki serta bachaan takhim, oleh guru2 kelas dewasa Kor'an sa-panjang Jalan Gadong dan Berakas.

Sa-jurus do'a khatam di-bachakan, dzikir marhaban pun di-bawakan dan achara mengambori bunga rampai kapada pelajar2 yang mengambil bahagian pun di-sempurnakan dengan di-dahului oleh jemputan2 khas.

Antara jemputan khas yang hadhir di-majlis tersebut ia-lah Timbalan Pengetua Pegawai JHEU Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim serta pegawai2 kanan kerajaan serta pendudok dan sanak saudara peserta2 yang khatam.







PENGIRAN Kamaluddin bin Pg Rabaha menabor bunga rampai sa-bagai tanda sempurna-nya majlis khatamal Koran pada hari itu (gambar atas) sementara gambar di-sebelah memunjokkan sa-bahagian dari peserta lelaki dan perempuan yang menjalani Khatamal Koran.



Y.B. Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain menyampaikan chenderamata kapada salah sa-orang yang baru memelok Ugama Islam sementara gambar bawah kelihatan majlis pengIslaman sedang di-jalankan.



# 18 ORANG MEMELOK UGAMA ISLAM

KUALA BELAIT.— Satu majlis pengIslaman sa-chara beramai-ramai bagi 18 orang saudara2 baru kita telah berlangsong di-sini malam Ahad lalu bertempat di-Dewan Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin.

Majlis yang di-adakan sempena sambutan Awal Tahun Hijrah 1401 tersebut telah di-dahului dengan bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an oleh Dayang Noorhayati binte Abd Wahid dan ini di-ikuti dengan upachara peng-Islaman beramai-ramai.

Hadhir dan seterus-nya menyampaikan chenderamata2 kapada saudara2 baru kita pada malam tersebut ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama.

Para hadhirin di-majlis tersebut telah juga berkesempatan mendengarkan uchapan2 daripada Yang Mulia Awg Haji Metussin bin Haji Timbang, Kadzi Daerah Belait dan daripada Yang Berbahagia Pegawai Daerah Belait Pengiran Idriss Ibni Al-Marhum Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Pengiran Haji Mohammed.

Sementara itu satu lagi achara kebajikan yang di-anjorkan oleh Jawatan-kuasa Tertinggi Sambutan Tahun Hijrah 1401 bagi Daerah Belait telah di-adakan di-Mukim Labi pada hari Ahad, 13hb Nobember.

Lebeh daripada 100 orang belia dan beliawanis dari daerah ini telah bersama2 membena sa-buah rumah bagi sa-orang balu di-mukim tersebut (gambar kanan). Mereka juga bergotong-royong membersehkan kawasan Masjid Labi dan seterus-nya bersama2 membersehkan tanah perkuboran orang2 Islam di-mukim yang sama.



GAMBAR2 atas dan bawah kelihatan sa-bahagian dari saudara2 baru yang memelok Ugama Islam.





# Derma untok anak2 yatim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tabong Derma Anak2 Yatim Daerah Brunei-Muara baru2 ini telah menerima satu lagi sumbangan derma yang berjumlah $475.00. Derma tersebut ia-lah dari Guru2 dan Murid2 Sekolah Melayu Dato Gandi dan Sekolah Persediaan Inggeris Dato Gandi Daerah Brunei-Muara.

Derma tersebut telah di-sampaikan kapada Pengerusi Tabong Derma Anak2 Yatim Daerah Brunei-Muara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin di-Pejabat Perpindahan oleh Pg. Ahmad bin PKI Pg. Anak Tajuddin.

Sementara itu, sa-ramai lima orang anak2 yatim Daerah Belait baru2 ini telah menerima derma berjumlah $25.00 tiap2 sa-orang dari Lembaga Tabong Derma Anak2 Yatim Daerah Belait bersempena dengan sambutan Hari Depaveli.

Derma tersebut telah di-sampaikan kapada Dr. T. Punch oleh Awg Abd. Ghani bin P.O. Pekerma Dewa Haji Abd. Rahim, Pegawai Pentadbir Pejabat Daerah Belait, sa-belum ia-nya di-sampaikan kapada lima orang anak2 yatim tersebut.



PENGIRAN Ahmad bin PKI Pg Anak Tajuddin sedang menyampaikan derma tersebut kapada Yang Amat Mulia Pg Indera Mahkota Pg Muda Haji Kamaluddin, dan di-saksikan oleh Pg Mohammad bin Pg Sunting (gambar atas).

Gambar bawah: Awg Abdul Ghani bin P.O. Pekerma Dewa Haji Abdul Rahim menyampaikan derma tersebut kapada Dr. T. Punch.



# Persediaan bagi pepereksaan S.A.P. (Universiti London)

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persediaan2 kini sedang di-buat bagi Pepereksaan Sijil Am Pelajaran (Universiti London) dalam beberapa mata-pelajaran di-Perengkat Biasa dan Lanjutan, yang akan di-adakan dalam bulan Jun, tahun depan.

Bakal chalun yang mengambil pepereksaan di-Perengkat Biasa hendaklah lulus Pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya, sementara chalun-chalun yang ingin mengambil pepereksaan tersebut di-Perengkat Lanjutan hendak-lah lulus sekurang2-nya tiga mata-pelajaran di-Perengkat Biasa dalam pepereksaan Sijil Am Pelajaran dalam sa-kali pepereksaan atau dalam mana2 pepereksaan yang sa-banding dengan-nya. Kelulusan tersebut mesti-lah di-perolehi dua tahun sa-belum pepereksaan.

Di-samping itu, chalun2 mesti-lah dapat memberikan bukti2 tentang pelajaran mereka atau yang di-akui oleh Pengetua2 sekolah atau Penyelia Kelas Pelajaran Dewasa di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait dan Maktab Anthony Abell, Seria.

Borang2 permohonan boleh-lah di-dapati di-Pejabat Lembaga Pepereksaan, Bandar Seri Begawan Brunei.

Bayaran2 pepereksaan boleh-lah di-hantar ka-Lembaga Pepereksaan, Brunei, sa-chara tunai atau chek.

Borang2 permohonan yang telah di-isi, hendaklah di-kembalikan ka-Lembaga Pepereksaan, bersama2 dengan bayaran pepereksaan dan surat2 akuan atau sijil2 pada tarikh yang di-nyatakan dalam borang permohonan, tetapi hendak-lah di-hantar tidak lewat dari 11hb. Disember, 1980.

Permohonan2 yang di-terima lewat dari tarikh tersebut tidak akan di-layan.

BELIA DAN SOKAN

# PERKASA 'A' JOHAN SEPAK TAKRAW

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan PERKASA 'A' telah munchol menjadi johan dalam perlawanan sepak takraw peringkat akhir yang telah di-adakan di-Pusat Belia di-sini minggu lalu.

Perlawanan tersebut di-anjorkan oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei sa-bagai sa-bahagian dari achara sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-34 tahun.

Tempat kedua telah di-menangi oleh PESAKA 'B' sementara tempat ke-tiga ia-lah Kelab Intan dan Hadhrah B Dewana. Kelab Intan ada-lah juga merupakan johan dalam bahagian sepak takraw bulatan.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein.



YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein di-perkenalkan kapada pemain2 yang mengambil bahagian sa-belum perlawanan di-mulakan.



KETUA Pasokan Kelab Intan yang memenangi sepak takraw Bulatan, Awang Bakar bin Salleh sedang menerima perisai dari Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein.



SA-BAHAGIAN lagi perlawanan yang di-jalankan.



PARA pemain bergambar bersama hadiah kenangan sa-telah selesai perlawanan.

## Pemenang2 Badminton anjoran PKKS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Kebajikan Kampong Sengkurong buat pertama kalinya telah menganjorkan satu perlawanan badminton bagi pendudok2 Mukim Sengkurong.

Perlawanan yang di-adakan di-Pusat Belia di-Ibu Negeri itu terbahagi kapada sembilan bahagian dan telah di-sertai oleh lebeh dari 60 orang pemain.

Bahagian lelaki perseorangan terbuka telah di-menangi oleh Ibrahim bin Hj. Ahmad, bahagian perseorangan lelaki 18 tahun ka-bawah Ramli bin Salleh, bahagian lelaki 35 tahun ka-atas Awang Haji Untong bin Abdul Rahman sementara Dayang Sialam binte Haji Metussin pula memenangi perlawanan dalam bahagian perseorangan perempuan terbuka.

Sementara itu dalam perlawanan2 bergu pula pasangan Awang Tudin bin Ahad dan Lamudin Bin Haji Jaafar telah memenangi perlawanan dalam bahagian lelaki terbuka, Sidek bin Eya dan Johari bin Haji Ahmad dalam bahagian 18 tahun ka-bawah, Tudin Ahad dan Sharbini Tudin dalam bahagian lelaki 35 tahun ka-atas, Norlina Haji Untong dan Rosni Lamat dalam bahagian perempuan terbuka manakala dalam bahagian bergu champoran pula telah di-menangi oleh pasangan Yaakub Haji Ahmad dan Sialam Haji Metussin.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Penghulu Mukim Sengkurong, Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman bin Haji Tamit.



PEMENANG dalam bahagian lelaki terbuka, Awang Ibrahim bin Haji Ahmad menerima hadiah-nya dari Penghulu Mukim Sengkurong.



PARA peserta yang telah mengambil bahagian bergambar bersama hadiah2 mereka.

## Perlawanan Ping Pong terbuka

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Ping Pong Amatur Brunei akan menganjorkan perlawanan ping pong terbuka bagi kali kedua. Perlawanan tersebut ada-lah bagi perseorangan dan bergu lelaki dan perempuan. Perlawanan tersebut akan di-mulakan pada 7hb Disember bertempat di-Dewan SMJA.

Borang2 penyertaan sekarang boleh di-dapati dari Awang Damit bin Haji Abd Rahman, Sharikat Penerbangan Diraja Brunei (Airport) atau di-Pejabat Latehan Jasmani, Bandar Seri Begawan.

Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 29hb Nobember, 1980.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

1. PEGAWAI PENYELIDEK :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Mempunyai kelulusan matapelajaran Bahasa Melayu /Kesusasteraan Melayu Perengkat 'A' dan sa-kurang-kurang-nya tiga matapelajaran Perengkat 'O' (tidak termasok matapelajaran Senilukis) yang lain dalam Sijil 'Am Pelajaran.
b) Mempunyai bakat dan pengalaman dalam kerja2 penyelidekan Kesusasteraan Melayu dan Kebudayaan tempatan;
c) Mahir menguasai dua bahasa (satu daripada-nya Bahasa Melayu) dan dapat menulis dan membacha Jawi dengan baik.

**Tangga Gaji :**
C.2 EB.3 — $1260-1305-1350 - 1395 - 1445 - 1495-1545 - 1615 - 1685 /EB/ 1735-1795 - 1855 - 1915 - 1980.

2. PEGAWAI KEBUDAYAAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Mempunyai Kelulusan Sijil Tinggi Persekolahan atau yang sa-banding dengan-nya dengan mendapat Perengkat 'A' dalam matapelajaran Bahasa Melayu;
b) Mempunyai bakat dan pengalaman dalam kerja2 penyelidekan kebudayaan sa-kurang2-nya dua tahun; dan
c) Mahir menguasai Bahasa Melayu, tulisan Jawi (membacha dan menulis), dan sa-kurang2-nya mempunyai asas pengetahuan satu lagi bahasa lain;

ATAU

a) Lulus Sijil Brunei Cambridge (Perengkat Biasa) atau yang sa-banding dengan-nya dan mendapat kepujian mata-pelajaran Bahasa Melayu dan kesusasteraan Melayu;
b) Mempunyai bakat dan pengalaman dalam kerja2 penyelidekan kebudayaan tempatan sa-kurang2-nya tiga tahun; dan
c) Mahir menguasai Bahasa Melayu, tulisan Jawi (membacha dan menulis), dan sa-kurang2-nya mempunyai asas pengetahuan satu lagi bahasa lain.

**Tangga Gaji :**

C. 1-2 EB. 3 — $1110-1155 1215-1260-1305 - 1350 - 1395 - 1445-1495-1545 - 1615 - 1685/ EB / 1735-1795 - 1855 - 1915 -

3. PENOLONG PENGARANG :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Lulus Pepereksaan Sijil Brunei Cambridge (Perengkat Biasa) atau yang sa-banding dengan-nya dan mendapat kepujian dalam matapelajaran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu.
b) Mempunyai bakat dan pengalaman dalam karang-mengarang kreatif dan bukan kreatif dan dapat menunjokkan karya2 yang sudah di-terbitkan.
c) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang dapat menguasai dua bahasa dan juga berkebolehan membacha dan menulis Jawi dengan baik.

**Tangga Gaji :**
D. 3 EB. 4-5—$720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010 - 1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

4. PEGAWAI PERPUSTAKAAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan 2 matapelajaran Perengkat 'A' dari aliran Inggeris.
b) Mesti-lah mempunyai pengetahuan mengenai buku2 dan perpustakaan dan juga gemar membacha.

ATAU

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan tiga matapelajaran Perengkat 'O' dengan lulus dalam dua matapelajaran bahasa dan lain2 matapelajaran kechuali senilukis.
b) Mesti-lah mempunyai pengetahuan mengenai kerja2 perpustakaan dan juga berpengalaman berkerja dalam perpustakaan sa-kurang2-nya sa-lama dua tahun.

1. Sa-seorang chalon mesti-lah cherdek dan mempunyai kebolehan untok berhubong dengan jelas dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.

2. Pemohon2 sa-baik2-nya lelaki dan mesti-lah bertenaga, sudi berkerja bergilir-gilir (jika dan di-mana yang perlu) di-chawangan perpustakaan dan juga dengan semua golongan. Dia mesti-lah menunjokkan perasaan bertanggong-jawab yang besar dan mempunyai keperibadian yang baik.

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4-5—$720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010 - 1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290.

5. PENJILID BUKU :

**Kelayakan2 dan Pengalaman**

Sa-kurang2-nya lulus Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya dan mempunyai pengetahuan asas tentang kerja2 menjilid buku dan majallah.

ATAU

Mempunyai pengalaman dalam bidang penjilidan sa-kurang2-nya sa-lama tiga tahun.

**Tangga Gaji :**

D.1 EB2-3 — $425-440-455-470-485-500/EB/515-535-555-580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900.

6. PEMBANTU BILEK GELAP :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Mempunyai kelulusan tiga matapelajaran Perengkat 'O' (termasok matapelajaran Bahasa Melayu dan tidak termasok matapelajaran Senilukis) dalam Sijil 'Am Pelajaran;
b) Berpengalaman sa-bagai jurugambar ATAU memperoses filem; dan
c) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang pernah memasoki Kelas Senifoto atau Kelab Seni foto.

**Tangga Gaji :**

D.1 EB2-3 — $425-440-455-470-485-500/EB/515-535-555-580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900.

7. ATENDAN PERPUSTAKAAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah sa-kurang2-nya mendudoki Tingkatan V, dan dapat menguasai dua bahasa (satu daripada-nya Bahasa Melayu); dan
b) Dapat membacha dan menulis Jawi dengan baik.

**Tugas2 :**

E.1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu Salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan surat akuan dan sijil2 tidak lewat 20hb Disember, 1980.

(E/882/73)
(Bil : 158/1980)

## TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of the following items of Agricultural Machinery.

1. Ten units Power Tillers Yanmar YZ8N or equivalent, each with the following specifications:—
   (a) 8 — 10HP Diesel water cooled engine.
   (b) Fitted with Rotary Hoe suitable for dry and wet cultivations.
   (c) Tail skid/Tail Wheel.
   (d) 2 cage wheels not less than 16" wide each.
   (e) Fitted with quick change Rotary Hoe system.
   (f) To supply one of two sided ridge body per machine.
